



UCAPAN

YB TENGKU DATO' SRI ZAFRUL TENGKU ABDUL AZIZ
MENTERI KEWANGAN

LAPORAN LAKSANA KETUJUH PELAKSANAAN PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI PRIHATIN RAKYAT (PRIHATIN)

2 JUN 2020



1. Assalamualaikum WBT dan Salam Hormat. Alhamdulillah, dapat kita bersama dalam Laporan Laksana Ke-7 pada hari ini. *Welcome to the 7th Laksana progress report.*
2. Laporan saya pada hari ini akan menyentuh 2 perkara utama, iaitu:
 - a. Pertama, pencapaian pelaksanaan langkah-langkah Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (atau PRIHATIN); dan
 - b. Kedua, mengenai Pelan Pemulihan Ekonomi Jangka Pendek yang bakal diumumkan.

STATUS PELAKSANAAN PRIHATIN

Saudara dan saudara yang dihormati,

3. Izinkan saya berkongsi status pelaksanaan PRIHATIN. Kita mulakan dengan langkah-langkah di bawah **Matlamat Pertama PRIHATIN** iaitu "**Lindungi Rakyat**".
4. **Pertama, Bantuan Prihatin Nasional atau BPN.**
 - a. Terdapat 3 kumpulan penerima BPN.
 - b. Kumpulan pertama adalah seramai **8.3 juta penerima** yang menerima bayaran secara berperingkat dalam Fasa Pertama dan Kedua. Sehingga 31 Mei, bagi **Fasa**

Pertama, seramai **7.93 juta penerima** telah menerima bayaran berjumlah **RM5.56 bilion**. Bagi **Fasa Kedua** pula, seramai **7.90 juta penerima** telah menerima bayaran berjumlah **RM3.55 bilion**. Selebihnya penerima adalah mereka yang belum lagi menuntut bayaran secara tunai di cawangan BSN. Sebagai peringatan, mereka boleh berbuat demikian sehingga 31 Disember. Alhamdulillah, status pencapaian bagi Fasa Pertama dan Kedua ini adalah 96.5%.

BPN Fasa Pertama dan Kedua				
	Penerima Fasa Pertama (6 -15 April)	Jumlah bayaran	Penerima Fasa Kedua (4 - 22 Mei)	Jumlah bayaran
M40 Bujang	0.44	RM0.11 bilion	0.43	RM0.11 bilion
M40 Isi Rumah	0.75	RM0.38 bilion	0.73	RM0.37 bilion
B40 Bujang	3.26	RM1.63 bilion	3.23	RM0.97 bilion
B40 Isi Rumah	3.48	RM3.48 bilion	3.50	RM2.10 bilion
Keseluruhan	7.93	RM5.60 bilion	7.90	RM3.55 bilion

- c. Kumpulan kedua penerima BPN adalah **2.3 juta penerima** yang diumumkan pada 9 Mei yang lalu. Dari jumlah ini, sehingga 31 Mei, seramai **2.08 juta penerima** telah menerima bantuan BPN yang dibuat secara sekaligus berjumlah **RM1.57 bilion**. Proses pembayaran melalui akaun bank berjalan lancar dan penerima selebihnya adalah mereka yang boleh menuntut secara tunai di BSN.
 - d. Kumpulan ketiga adalah mereka yang telah membuat rayuan antara 11 hingga 31 Mei baru-baru ini. Sebanyak **170,000** rayuan diterima dan akan disemak secara *manual*. Keputusan akan diumumkan pada pertengahan bulan Jun dan bayaran sekaligus bermula pada akhir bulan Jun. Terima kasih atas kesabaran anda.
 - e. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada pegawai LHDN yang telah bertugas pada hujung minggu yang lalu untuk membolehkan orang ramai mengemukakan dokumen sebelum tutupnya proses rayuan BPN tersebut.
 - f. Dengan ini, jumlah penerima BPN dari kumpulan pertama hingga ketiga adalah dianggarkan dalam 10.77 juta, melibatkan peruntukan sebanyak RM11.5 bilion. Ini merupakan peruntukan tambahan sebanyak RM1.5 bilion.
7. Kedua, ialah program **i-Lestari KWSP**. Sehingga 31 Mei, sebanyak **4 juta** permohonan **telah diluluskan**, iaitu peningkatan daripada 3.9 juta sebelum ini. Jumlah pembayaran ini melibatkan **RM1.9 bilion sebulan**.

i-Lestari	Jumlah diluluskan* (RM bilion)	Permohonan diluluskan* (juta)
31 Mei	1.90	4.0
17 Mei	1.83	3.9
10 Mei	1.76	3.7
3 Mei	1.66	3.5
26 April	1.57	3.3
19 April	0.70	1.5
12 April	0.57	1.17

*Jumlah Kumulatif

8. Ketiga, bagi langkah **pengurangan caruman KWSP oleh pekerja daripada 11% kepada 7%**, jumlah pengurangan caruman yang dianggarkan akan diterima ahli KWSP untuk bulan Mei adalah **RM895 juta**. Sehingga 31 Mei, Kerajaan mendapati semakin ramai pekerja membuat pilihan sendiri untuk mengekalkan caruman mereka pada kadar 11%, iaitu seramai 1.7 juta atau lebih kurang 23% daripada pencarum KWSP berbanding dengan 1.5 juta sebelum ini.
9. Keempat, bagi bayaran khas **RM600 secara one-off yang akan diberikan kepada pemandu pelancong** atau *tour guides*, sehingga 31 Mei, seramai **6,470** pemandu pelancong telah menerima bayaran ini berjumlah **RM3.9 juta**.
10. Kelima, bagi pemandu e-Hailing pula, sehingga 31 Mei, kerajaan telah menyalurkan bayaran bantuan khas sebanyak **RM34 juta** melalui e-wallet kepada **68,336 penerima**. Pembayaran untuk 8,300 pemandu e-hailing tambahan masih sedang diproses.
11. Keenam, antara isu yang berbangkit adalah mengenai lebih kurang **30,000 pemandu teksi** yang mengadu bahawa mereka tidak menerima bantuan khas kerana kad pemandu teksi mereka telah tamat tempoh sah laku. Setelah dipertimbangkan, pada 23 Mei yang lalu, Kementerian Pengangkutan telah mengumumkan bahawa bayaran khas ini akan dipanjangkan kepada mereka dengan **syarat kad pemandu diperbaharui**. Bagi memudahkan proses ini, mereka diberikan sehingga 1 Julai. Kerajaan berharap pemberian ini bukan sahaja dapat membantu pemandu teksi tetapi juga memastikan isu pelesenan dan pengoperasian adalah sempurna demi keselamatan dan kesejahteraan pemandu teksi dan penumpang.

Saudara dan saudara yang dihormati.

12. Seterusnya saya ingin berkongsi status pelaksanaan langkah-langkah di bawah **Matlamat Kedua PRIHATIN** iaitu “**Sokong Perniagaan**”.
13. Pertama, untuk **Subsidi Upah**, sehingga 31 Mei, sebanyak **RM3.22 bilion** telah diluluskan bagi **286,338 majikan** yang mewakili **2.2 juta pekerja**. Ini adalah peningkatan jumlah yang diluluskan sebanyak RM980 juta untuk 200 ribu pekerja berbanding dua minggu sebelumnya.

Subsidi Upah Peruntukan: RM13.8 bilion	Jumlah diluluskan* (RM bilion)	Jumlah Majikan*	Jumlah Pekerja* (juta)
31 Mei	3.22	286,338	2.2
17 Mei	2.24	267,752	2.0
10 Mei	2.10	258,165	1.9
3 Mei	1.90	235,000	1.7
26 April	1.35	195,000	1.5
19 April	1.20	159,000	1.0

**Jumlah kumulatif*

14. **Kedua**, saya ingin berkongsi mengenai **Program Pengekalan Pekerja** atau **Employment Retention Programme (ERP)** yang dikawal selia oleh PERKESO. Sukacita saya mengumumkan bahawa sehingga 31 Mei, seramai **184 ribu pekerja telah diluluskan bersamaan dengan RM110 juta sebulan**. Manfaat ini akan disalurkan kepada majikan dan pemilik perniagaan.
15. **Ketiga**, ialah **Program Bantuan Majikan Covid-19 (e-CAP) KWSP**. Setakat 31 Mei, sebanyak **26,509 permohonan telah diterima**, dan sebanyak **5,245 permohonan telah diluluskan bernilai RM34.8 juta** bagi caruman KWSP majikan, berbanding RM20.6 juta dua minggu lalu. Saya ingin menekankan bahawa KWSP sedang meneliti setiap permohonan untuk **menanggung dan menstruktur semula bayaran caruman**. Kelulusan tidak boleh diberi sewenang-wenangnya kerana dari segi undang-undang, ini adalah satu kewajipan yang tidak boleh dielakkan oleh pihak majikan.

Bantuan majikan Covid-19 (e-CAP) KSWP	Jumlah permohonan diterima*	Jumlah permohonan diluluskan*	Jumlah diluluskan* (RM juta)
31 Mei	26,509	5,245	34.8
17 Mei	20,771	3,168	20.6
10 Mei	13,690	2,032	13.4

**Jumlah kumulatif*

16. **Keempat**, mengenai **Dana Pinjaman Mudah PKS (SME Soft Loans Funds)** yang **dikendalikan oleh Bank Negara Malaysia (BNM)**. Setakat **31 Mei**, permohonan yang telah diluluskan oleh bank-bank tempatan dan disetujuterima oleh PKS adalah **RM6.9 bilion**, dan ini akan memanfaatkan **16,833 PKS**. Jumlah ini termasuk dana *Special Relief Facility*, Agrofund dan Insurans Takaful untuk saringan COVID-19.

Dana Pinjaman Mudah PKS	Jumlah diluluskan dan disetujuterima* (RM bilion)	Jumlah PKS*
31 Mei	6.9	16,833
17 Mei	5.8	14,075
10 Mei	4.7	11,975
3 Mei	3.0	6,840
26 April	1.5	3,636

*Jumlah kumulatif

17. **Kelima**, adalah mengenai **Geran Khas Prihatin (GKP)** untuk **PKS mikro**. Pada 15 Mei, iaitu tarikh tutup permohonan GKP, sebanyak **643 ribu permohonan** telah diterima. Sukacita saya mengumumkan bahawa sebanyak **488,857 atau 76% permohonan telah diluluskan**. Semakan status permohonan boleh dibuat mulai pada 3 Jun 2020. Bagi mereka yang lulus, jumlah bayaran sebanyak **RM1.47 bilion** akan dibuat mulai **15 Jun 2020**.
- Saya juga ingin berkongsi bahawa **LHDN sedang membuat semakan lanjut ke atas 81,260 permohonan**, dan **status kelulusan bagi permohonan akan dimaklumkan mulai 8 Jun**. Bagi mereka yang lulus, bayaran akan dibuat mulai **15 Jun** juga.
 - LHDN juga mendapati sebanyak **72,859 permohonan yang tidak lulus**. Bagi mereka yang tidak lulus, **tempoh rayuan akan dibuka dari 3 hingga 15 Jun melalui portal rasmi LHDN iaitu gkp.hasil.gov.my**. Bagi perayu yang lulus, bayaran akan dibuat **mulai 29 Jun**.
18. **Keenam**, mengenai **Skim Kredit Mikro** dengan **kadar faedah atau keuntungan 0%**, di mana jumlah keseluruhannya adalah bernilai **RM700 juta**:
- Pada minggu ini, di bawah skim kredit mikro BSN, 4,587 permohonan telah diluluskan, bernilai RM175 juta.
 - Bagi program TEKUN pula, jumlah permohonan yang diluluskan ialah 15,949, dengan nilai RM128 juta.

- c. Saya berharap skim pinjaman ini dapat dimanfaatkan oleh PKS Mikro dengan sebaik mungkin.

Skim Kredit Mikro Peruntukan: RM700 juta dengan kadar 0%	Kredit Mikro BSN		Tekun	
	Jumlah* PKS yang lulus	Nilai* (RM juta)	Jumlah* PKS yang lulus	Nilai* (RM juta)
31 Mei	4,587	175	15,949	128
17 Mei	3,537	145	12,104	101
10 Mei	2,626	114	8,562	72
3 Mei	2,026	90	4,981	42
26 April	1,703	76	1,769	15

*Jumlah Kumulatif

IMPAK PAKEJ PRIHATIN: RAKYAT KEMBALI BEKERJA & PEMULIHAN EKONOMI MENJELANG 2021

Saudara dan saudari yang dihormati,

19. Beberapa hari yang lalu, terdapat laporan berita bertajuk 'Malaysia bersedia bagi pemulihan ekonomi menjelang 2021'. Laporan ini telah tersebar luas dan diterbitkan semula dalam media pelbagai bahasa. Dalam media bahasa Inggeris, tajuknya 'Malaysia set for recovery in 2021 with most employees back at work'.
20. Dalam laporan tersebut, saya telah berkongsi bahawa 'pembukaan ekonomi negara menyaksikan hampir 70% tenaga kerja telah mula bekerja melibatkan beberapa sektor ekonomi' dan 'Malaysia kini berada pada kapasiti yang bersedia bagi pemulihan ekonomi menjelang 2021'.
21. Susulan daripada itu, terdapat beberapa pihak yang menyuarakan bahawa mereka tidak setuju dengan kenyataan tersebut. Izinkan saya berkongsi sedikit penjelasan.
22. Kenyataan "hampir 70% tenaga kerja telah mula bekerja" merujuk kepada data daripada laporan **Jabatan Perangkaan Malaysia** atau **Department of Statistics Malaysia**. Sehingga 17 Mei, Jabatan Perangkaan mendapati bahawa **lebih kurang 10.25 juta atau 67.2% pekerja (atau hampir 70% pekerja) telah mula bekerja semula**. Ini adalah peningkatan daripada 6.64 juta atau 43.6% pada 10 Mei seperti yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri sebelum ini. Angka ini mengambil

kira mereka yang bekerja dari rumah dan merangkumi pelbagai sektor ekonomi seperti perkhidmatan, pertanian, pembuatan, dan perlombongan dan pengkuarian.

23. Peningkatan angka pekerja yang bekerja semula menunjukkan bahawa pembukaan ekonomi pada 4 Mei oleh Kerajaan – Alhamdulillah -- setakat ini berjalan dengan lancar untuk membolehkan pekerja mencari rezeki harian.
24. Kedua, ini membawa kita ke **isu pengendalian pekerjaan**. Kerajaan mengambil maklum laporan terkini Jabatan Perangkaan bertarikh 29 Mei, yang merekodkan kadar pengangguran negara pada suku pertama 2020 di tahap 3.5%. Memandangkan betapa seriusnya cabaran COVID-19 kepada ekonomi kebanyakan negara, ini merupakan peningkatan yang masih di dalam kawalan berbanding 3.3% pada suku sebelumnya.
25. Sebagai contoh, program **Subsidi Upah** dan **Program Pengendalian Pekerjaan** di bawah Pakej PRIHATIN **menjamin kelangsungan pekerjaan bagi hampir 2.4 juta pekerja di seluruh negara**. *By supporting 2.4 million workers' wages in Malaysia, the Government is ensuring that livelihoods are protected, and businesses are able to retain their workers*. Tanpa program-program ini, besar kemungkinan kadar pengangguran adalah lebih tinggi.
26. Sebagai perbandingan, kadar pengangguran Suku Pertama di negara Filipina adalah 5.3% (peningkatan daripada 4.5% pada suku sebelumnya), Sepanyol 14.41% (peningkatan daripada 13.78% pada suku sebelumnya), dan New Zealand 4.2% (daripada 4.0% pada suku sebelumnya). Ini menunjukkan bahawa Covid-19 memberi kesan kepada pekerjaan di peringkat global.
27. Ketiga ialah berkenaan pemulihan ekonomi menjelang tahun 2021. Secara amnya, unjuran pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar atau KDNK negara, menurut pelbagai agensi antarabangsa adalah positif, iaitu 5.8% (menurut agensi penarafan kredit Fitch), 6.4% (menurut Bank Dunia) dan 9% (menurut IMF). **Walaubagaimanapun**, saya sentiasa mengingatkan orang ramai, ahli ekonomi, penganalisa dan media bahawa unjuran pertumbuhan sebenar bergantung kepada pelbagai faktor.
 - a. Faktor utama ialah kebolehan kita membendung penularan wabak Covid-19 dan menjamin kesihatan rakyat. Selain itu, pematuhan rakyat dan perniagaan kepada SOP, termasuk mengamalkan amalan kebersihan yang tinggi seperti sentiasa mencuci tangan dan memakai topeng muka sangatlah penting.
 - b. Kedua, Pakej PRIHATIN yang berjumlah RM260 bilion dijangka akan menyumbang kepada pertumbuhan KDNK negara sebanyak **2.8%**. Tanpa pakej PRIHATIN, unjuran pertumbuhan KDNK negara akan lebih rendah daripada yang telah diumumkan oleh Bank Negara.

28. Berdasarkan tiga penjelasan tadi, saya ingin tegaskan di sini adalah bahawa Kerajaan peka terhadap cabaran-cabaran yang dihadapi pekerja dan rakyat. Kerajaan tidak mengambil mudah kesan Covid-19 ke atas nyawa dan kehidupan, dan sentiasa memikirkan langkah-langkah yang boleh diambil bagi menangani cabaran-cabaran yang dihadapi. Pakej PRIHATIN adalah antara manifestasi usaha yang diambil Kerajaan demi rakyat dan negara.
29. *I must emphasise that the Government does not take for granted the lives and livelihood of the Rakyat or the state of the economy.*
30. Saya pernah menyebut sebelum ini bahawa tempoh Pakej PRIHATIN adalah untuk memberi bantuan antara 3 hingga 6 bulan. Kini kita telah memasuki bulan ke-3 sejak ia diumumkan. InsyaAllah, Pakej PRIHATIN akan terus memberi kesan yang positif kepada rakyat, perniagaan dan ekonomi.

PELAN PEMULIHAN EKONOMI JANGKA PENDEK

Saudara dan saudari yang dihormati,

31. Perkara terakhir yang ingin saya kongsi adalah mengenai **Pelan Pemulihan Ekonomi (Jangka Pendek) yang bakal dilancarkan bulan Jun ini oleh YAB Perdana Menteri.**
32. Mengimbas kembali, Pelan Pemulihan Ekonomi Jangka Pendek merupakan fasa ke-4 daripada 6 fasa, atau "6R", dalam usaha Kerajaan menangani cabaran kesihatan dan ekonomi disebabkan Covid-19. 6R tersebut adalah:
 - a. **Ketegasan (*resolve*)** dalam mengawal Covid-19 dengan melaksanakan PKP;
 - b. **Ketahanan (*resilience*)** melalui pakej Rangsangan ekonomi PRIHATIN untuk meningkatkan kemampuan rakyat dan ekonomi;
 - c. **Menjana semula (*restart*)** ekonomi secara teratur dan terkawal;
 - d. **Melaksanakan strategi pemulihan (*recovery*)** ekonomi;
 - e. **Memperkasa (*revitalize*)** ekonomi secara menyeluruh; dan
 - f. **Menyusun semula (*reform*)** struktur ekonomi untuk kita melangkah ke era '*new normal*'.
33. Sejak awal bulan Mei, saya dan rakan kerja Kementerian Kewangan telah mengadakan sesi libat urus bersama lebih 100 pihak berkepentingan. Ini termasuklah sektor pelancongan, usahawan sosial, industri kreatif, persatuan peniaga, teknologi dan e-

dagang, pendidikan, perumahan, pembuatan, sumber manusia, perubatan swasta, perkhidmatan profesional, NGO, serta pertanian dan perladangan. Kementerian juga telah menerima dan menganalisa pelbagai cadangan mengenai langkah-langkah yang boleh diperkenalkan.

34. Saya berterima kasih kepada semua pihak dan rakan-rakan Kabinet yang terlibat.
35. Maklumbalas yang diterima menunjukkan bahawa situasi yang dihadapi orang ramai dan perniagaan amatlah mencabar. Antara cabaran-cabaran tersebut termasuk:
 - a. Bagi golongan pekerja, menurut kajian oleh Nielsen, lebih 40% pekerja yang disoal selidik melaporkan pengurangan pendapatan dalam tempoh PKP.
 - b. Bagi perniagaan, menurut Jabatan Perangkaan, cabaran utama yang dihadapi adalah membayar gaji (77%), kekurangan pelanggan (66%), membayar sewa premis (61%), dan masalah aliran tunai (36%).
 - c. Mengikut sektor tertentu:
 - i. Dalam sektor teknologi, pelantar pekerjaan mendapati bilangan pemohon pekerja semakin meningkat tetapi iklan pekerjaan semakin berkurangan;
 - ii. Setiap 4 daripada 10 pekerjaan bergantung kepada industri pelancongan yang merupakan antara paling terkesan Covid-19;
 - iii. Industri pendidikan tinggi yang bernilai RM35 bilion kepada ekonomi negara bakal menghadapi cabaran ekoran kekangan menarik pelajar antrabangsa; dan
 - iv. Peniaga kecil seperti penjual kuih, peniaga pasar malam, abang gerai burger, dan sebagainya tiada punca pendapatan yang tetap.
 - d. Selain itu, daripada 67% pekerja yang telah kembali bekerja, masih ada lebih kurang 5 juta pekerja pelbagai sektor yang belum memulakan pekerjaan, ini disebabkan, antara lain, kerana di dalam senarai aktiviti dilarang ataupun SOP yang ketat untuk memastikan faktor keselamatan dan kesihatan terjamin.
 - e. Menurut kajian Ipsos pula, dapatan menunjukkan bahawa 62% rakyat Malaysia sangat bimbang akan ancaman Covid-19 kepada diri mereka. Tahap kebimbangan ini adalah yang tertinggi di kalangan warga negara-negara lain. Ini menunjukkan bahawa rakyat Malaysia akan lebih berhati-hati dalam melaksanakan aktiviti harian, tapi ia secara tidak langsung akan memberi

kesan kepada sektor-sektor ekonomi seperti pelancongan dan perkhidmatan dan tempoh masa yang diperlukan untuk pulih kembali.

- f. Kerajaan juga peka kepada cabaran buat golongan mudah terjejas (*the vulnerable population*) seperti kanak-kanak, Orang Kelainan Upaya, warga emas dan golongan B40.
36. Saya tidak berniat untuk memberi gambaran yang malap mengenai ekonomi negara. Namun, ini adalah realiti cabaran yang bakal dihadapi dan perlu ditangani oleh Kerajaan dan kerjasama rakyat, sektor swasta, dan NGO menjadi amat penting dalam usaha ini.
37. Sehubungan itu, mengambil kira kesemua perkara yang telah saya sebutkan tadi, Pelan Pemulihan Ekonomi Jangka Pendek akan tetap tertumpu kepada tiga matlamat utama iaitu:
- a. Memperkasakan Rakyat (*Empower People*);
 - b. Melonjakkan Perniagaan (*Propel Businesses*); dan
 - c. Merangsangkan Ekonomi (*Stimulate the Economy*).
38. Dalam merangka pelan ini bagi tempoh Jun hingga Disember 2020, pendekatan Kerajaan akan bersandarkan kepada 4 ciri iaitu:
- a. Pertama, ianya mestilah **Tangkas & Dinamik** – ini bermakna Pelan tersebut mesti mampu diperbaiki dan diperhalusi secara berterusan, mengikut keperluan semasa dan situasi tidak menentu, atau *unprecedented*, sepanjang tahun 2020;
 - b. Kedua, **Kerjasama Sektor Awam-Swasta** diutamakan – Pelan ini akan merangkumi pelbagai langkah dengan kerjasama seramai mungkin pemain dari sektor swasta, dan bukan sahaja dari syarikat berkaitan kerajaan (GLCs dan GLICs);
 - c. Ketiga, **Komunikasi Menyeluruh & Capaian Meluas** – Rakyat dan Sektor Perniagaan di Malaysia haruslah meyakini Pelan ini agar semua dapat memainkan peranan masing-masing bagi menjana semula ekonomi Malaysia. Kerajaan akan memastikan usaha komunikasi dilakukan secara berterusan. Ketelusan dan keterbukaan adalah penting dalam menjayakan usaha ini.
 - d. Keempat, **Pendekatan Berdasarkan Data** – Pelaksanaan Pelan ini adalah berdasarkan data dan statistik agar setiap pencapaian dapat dipantau dan diperhalusi dengan cepat dan tepat. Data terkini juga akan dikongsi bersama

dengan sektor kerajaan dan swasta, serta agensi-agensi pelaksanaan untuk penambahbaikan yang berterusan.

39. Sesungguhnya, Pelan Pemulihan Ekonomi Jangka Pendek ini merupakan peluang kita untuk mengambil peluang-peluang baharu yang berbangkit daripada krisis Covid-19 ini demi pembangunan masa depan negara. InsyaAllah, inisiatif-inisiatif yang bakal diumumkan oleh YAB Perdana Menteri akan membolehkan kita mencapai matlamat yang ditetapkan.

PENUTUP

Saudara dan saudari sekalian,

40. Sebelum mengakhiri ucapan minggu ini, terimalah serangkap pantun dari saya:

*Kucing Dina melompat-lompat
Kakinya luka terpijak duri
Muafakat kita membawa berkat
Teguh berdiri, bangunkan ekonomi*

41. Sekian sahaja Laporan Laksana buat kali ini, sehingga kita berjumpa lagi.
42. Wabillahaufik walhidayyah. Assalamualaikum wbt, *stay safe*, dan salam hormat. Kuatkan semangat, teruskan muafakat, InsyaAllah kita pasti menang!